



TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

SEMPENA

UCAPAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2025

LOKASI / TARIKH

STADIUM MERDEKA | 23 NOVEMBER

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis

SALUTASI

Alu-aluan

1. **Alhamdulillah**, dengan izin Allah SWT kita dapat berhimpun pagi ini bagi meraikan **Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2025**.

2. Pertamanya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Yang Amat Berbahagia. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail** atas kehadiran dan ini adalah simbol **sokongan berterusan terhadap agenda hak dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.**

3. Tidak dilupakan, terima kasih juga kepada semua tetamu, rakan strategik, NGO dan penyumbang yang menjayakan majlis ini.

Tema & Makna Sambutan

4. Seperti yang dinyatakan, tema Hari Kanak-Kanak Kebangsaan ialah **“Hari Ini, SuaraKu”**. Tema ini menekankan bahawa **setiap kanak-kanak berhak bersuara dan didengari**, dan hak mereka perlu dilaksanakan dalam semua aspek kehidupan, termasuk **pendidikan, perlindungan dan kesejahteraan sosial**.

5. Ia juga menyerlahkan kepentingan memberi ruang kepada kanak-kanak untuk menyuarakan pandangan mereka dalam menghadapi cabaran dunia moden seperti **perubahan iklim, teknologi dan transformasi demografi.**

Objektif Sambutan

6. Maka, sambutan pada hari ini bertujuan **meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab melindungi dan menghormati hak kanak-kanak** seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

7. Selain itu, ia mengiktiraf bahawa kanak-kanak merupakan **aset masa depan negara** yang perlu dibentuk dengan **nilai kepimpinan, keyakinan diri dan kemahiran sosial sejak usia awal**. Usaha ini juga menekankan kepentingan **persekitaran selamat dan mesra kanak-kanak** serta penglibatan masyarakat dalam membina budaya prihatin terhadap generasi muda.

Aktiviti & Pengiktirafan

8. Hari ini, lebih 1,000 kanak-kanak dari seluruh negara diraikan melalui pelbagai **aktiviti interaktif** yang turut dianjurkan, termasuk penyertaan ikon animasi, permainan tradisional serta aktiviti kekeluargaan yang bertepatan dengan sambutan **November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan.**

9. Disamping itu, sambutan pada hari ini turut diserikan dengan penyampaian **tujuh (7) anugerah**, yang diberikan kepada kanak-kanak serta **badan-badan bukan kerajaan (NGO)**.

10. Antara anugerah utama ialah **Anugerah Pingat Hang Tuah**, iaitu pengiktirafan tahunan kepada seorang kanak-kanak yang menunjukkan **keberanian luar biasa** dalam usaha menyelamatkan nyawa, melindungi harta benda, atau mengambil tindakan berani ketika berlaku **kecemasan, bencana atau situasi darurat**.

11. Turut disampaikan ialah **Anugerah Gemilang** dan **Anugerah Khas** kepada kanak-kanak yang mencapai kecemerlangan dalam **akademik, sukan, kebudayaan dan kesenian**. Tidak dilupakan juga, kanak-kanak **OKU** juga akan menerima pengiktirafan sebagai tanda penghargaan terhadap **usaha gigih, ketabahan dan semangat juang** mereka.

Komitmen Kerajaan

YABhg. Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan **517 Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak KASIH Kanak-Kanak** di seluruh negara bagi melindungi kanak-kanak daripada **penderaan, pengabaian dan eksploitasi.**

13. Pelaksanaan program ini diperkukuh melalui kerjasama erat dengan **Kementerian Pendidikan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, MCMC** serta **Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak**, menjadikannya satu usaha yang benar-benar **bersepadu**.
14. Program ini turut menggalakkan penglibatan masyarakat untuk menjadi “**mata dan telinga komuniti**”, khususnya melalui pelaporan kes penderaan menggunakan **Talian Kasih 15999**.

15. Usaha ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkuat perlindungan serta menjamin **masa depan yang lebih selamat** untuk setiap kanak-kanak di Malaysia.

Hadirin yang saya muliakan

16. Saya juga berbesar hati memaklumkan bahawa program advokasi ini telah diiktiraf oleh **The Malaysia Book of Records** sebagai **‘The Largest Child Protection Advocacy Programme’**, dengan penyertaan seramai **128,148** kanak-kanak.

17. Pengiktirafan ini menjadi bukti kukuh terhadap **komitmen dan dedikasi** semua pihak dalam memperkasa agenda advokasi kanak-kanak.
18. Pada **18 November 2025**, KPWKM turut melancarkan **Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara 2026–2030**, yang disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri**, sempena Perasmian **ASEAN ICT Forum on Child Online Protection 2025**.

19. Pelan ini merangkumi **141 tindakan**, di bawah **4 objektif dasar** dan **16 keutamaan strategik**.

20. Menerusi pengumuman **ASEAN ICT Forum on Child Online Protection 2025**, Malaysia menegaskan komitmen terhadap **Pelan Tindakan Serantau ASEAN mengenai Eksploitasi dan Penderaan Kanak-Kanak Dalam Talian (RPA COEA)** serta

21. **Pelan Induk Digital ASEAN 2025**, bagi membina ekosistem digital yang lebih **selamat, inklusif dan inovatif** untuk kanak-kanak di seluruh rantau.

Penutup

22. Sebagai penutup, sekali lagi ucapan terima kasih kepada **YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah**, Amanah Saham Nasional Berhad sebagai penganjur bersama, semua agensi kerajaan, NGO, dan **Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak** yang menjayakan sambutan pada hari ini.

23. Paling utama, tahniah kepada **anak-anak yang diraikan** hari ini; **suara dan senyuman mereka adalah harapan negara**. Setiap suara kecil yang kita dengar hari ini, membawa harapan besar untuk masa depan.

24. Marilah kita bersama memastikan setiap kanak-kanak di negara ini **dilindungi, dihargai dan diberi peluang untuk bersuara**.

Sekian, terima kasih

YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat